

BAB 3 : KEPENGARANGAN MELAYU DALAM CERITA DAYANG KAK NUN

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan memperlihatkan dasar pemikiran dan kehebatan pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' dalam memberikan kehidupan dan mencorakkan warna terhadap teks tersebut. Selain itu, pengkaji dapat membuktikan akan kebenaran teori kepengarangan Melayu.

3.2 Cerita Dayang Kak Nun

Cerita 'Dayang Kak Nun' juga dikenali sebagai 'Hikayat Juragan'. Di Temerloh cerita ini dikenali dengan nama 'Dayang Puteri Kaenon' yang dituturkan oleh Teh bin Sidek dari Kg.Gohor, Mukim Bera, Temerloh Pahang. Cerita ini telah dibukukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai hasil koleksi cerita-cerita rakyat di negeri Pahang. Di Ganchong cerita 'Dayang Kak Nun' sangat digemari terutama oleh orang-orang dewasa perempuan dan juga gadis-gadis. Ini kemungkinan pengaruh heroine yang terdapat dalam cerita ini. Meskipun tajuk ceritanya ' Dayang Kak Nun', tetapi watak Dayang Kak Nun bukanlah watak utama sebaliknya Juragan yang merupakan suami Dayang Kak Nun adalah watak utama. Atas dasar inilah tukang cerita 'Dayang Kak Nun' di Ganchong ini dikenali sebagai Timah Juragan.

'Dayang Kak Nun' adalah sebuah cerita yang panjang kerana mengambil masa beberapa hari untuk merakamkannya. Ini dibuktikan oleh Abdul Rahim Hamid (1966) terpaksa mengambil masa selama tiga malam berturut-turut manakala rakaman yang dibuat oleh Dr Zahir Ahmad (2002) mengambil masa selama tiga sesi iaitu pada petang dan malam pada hari pertama dan sebelah pagi pada hari yang kedua. Apa yang menarik ialah rakaman yang dilakukan oleh Abdul Rahim Hamid dibuat pada sebelah malam sahaja kerana menurut pencerita, itu merupakan pesanan daripada gurunya. Bahkan menurut gurunya iaitu Awang Gondeng, sebelum sesuatu persembahan cerita hendak dimulakan sepatutnya diadakan terlebih dahulu majlis doa selamat dengan para hadirin dijamu nasi kunyit. Baharulah majlis bercerita dapat dijalankan dengan baik dan selamat daripada segala gangguan. Adakah ini merupakan kepantangannya, hanya tukang cerita sahaja yang mengetahuinya. Tetapi pada hemat pengkaji keadaan ini amat bersesuaian dengan keadaan masyarakat pada ketika itu yang melakukan kerja pada waktu siang dan hanya boleh bersantai pada waktu malamnya. Dalam rakaman yang dilakukan oleh Dr.Zahir Ahmad keadaan ini tidak lagi berlaku kerana rakaman dibuat pada sebelah siang dan malam hari. Kepantangannya hanyalah tidak boleh makan sebarang jenis kacang ketika majlis penceritaan ini sedang diadakan. Jika dilanggari maka akan memudaratkan kepada diri pencerita. Setelah pengkaji menemui tukang cerita baharulah pengkaji mendapat gambaran yang sebenar tentang kepantangan ini. Tukang cerita tidak makan sebarang jenis kacang kerana takut kakinya diserang penyakit bisa-bisa kerana kepercayannya kacang boleh membawa angin. Ketika bercerita, tukang

cerita hanya duduk bersila sambil memukul rebana dan ada ketikanya ia duduk berjam-jam lamanya dan ini akan menyebabkan ketidakselesaiannya jika kakinya bisa-bisa diserang angin.

Pada umumnya cerita ini diperdengarkan di majlis-majlis perkahwinan atau majlis berkhatan. Pada waktu dahulu, hiburan bentuk lain tidak ada. Hiburan yang ada hanya merupakan berdirik dan berzanji. Lagu-lagu yang disampaikan dalam bahasa Arab ini kurang difahami oleh masyarakat setempat. Dan kerana itulah cerita-cerita penglipur lara diperdengarkan. Di Kampung Gancong cerita yang diperdengarkan ialah cerita 'Dayang Kak Nun'. Cerita ini disampaikan dalam bentuk berlagu yang diiringi dengan pukulan rebana.

Rebana merupakan alat muzik tradisional yang banyak gunanya. Rebana juga sejenis gendang yang diperbuat daripada kulit lembu. Badannya diperbuat daripada kayu yang berlubang. Muka depannya ditutup dengan kulit lembu yang telah disamak dan dijemur. Bahagian belakangnya dibiarkan kosong. Pemukul rebana tidak menggunakan alat lain kecuali jari dan tapak tangannya sahaja. Seorang pemain yang mahir akan dapat menghasilkan empat atau lima nada daripada rebana.

Dalam menyampaikan cerita 'Dayang Kak Nun', tukang cerita akan memukul rebananya sendiri. Rebana ini boleh juga dipukul oleh orang lain dengan syarat ia mengetahui jalan ceritanya. Kalaupun ia tidak mengetahui keseluruhan isi ceritanya memadai sebahagian besar isi cerita tersebut

kerana di dalam cerita ini ada tempat-tempat tertentu yang perlu diberi penekanan. Apabila sampai pada tempat-tempat tertentu maka rebanan perlu ditingkatkan.

Cerita 'Dayang Kak Nun' tidak jauh berbeza dengan cerita-cerita penglipur lara yang lain. Ceritanya bermula dengan Juragan, Raja Bugis Ramai yang merupakan watak utama ingin belayar untuk melihat cupak gantang di negeri orang. Juragan telah mengarahkan pengikutnya menebang pokok Kayu Seri Bumi untuk dibuat jong. Maka berlakulah peperangan antara penunggu pokok tersebut dengan Juragan. Akhirnya kemenangan berpihak kepada Juragan. Setelah itu beliau pun belayar dan bertemu dengan Dayang Kak Nun yang akhirnya telah menjadi isterinya. Pelbagai halangan telah menimpa Juragan dalam pelayaran-pelayarannya. Setiap kali beliau singgah di sesuatu negeri maka akan dikahwini anak raja negeri tersebut. Dayang Kak Nun yang ditinggalkan itu pula melahirkan ^{kan} seorang putera yang bernama Awang Sulung Muda. Apabila Awang Sulung Muda meningkat remaja, beliau juga ingin mengembara dan belayar untuk menjejaki ayahandanya. Di dalam perjalanannya juga beliau menemui pelbagai kesukaran dan halangan. Tetapi berkat pertolongan Dewa Raja dia terselamat daripada segala mara bahaya. Akhirnya Awang Sulung Muda berjaya bertemu dengan ayahandanya setelah kedua beranak tersebut berperang kerana tidak mengenali antara satu sama lain.

Permasalahan yang selalu terungkap dalam cerita penglipur lara ialah soal-soal percintaan di samping pengembaraan, peperangan dan

perkahwinan. Dalam cerita 'Dayang Kak Nun', penerapan percintaan ini diolah dengan romantis antara wiranya Juragan dengan wirawatinya Dayang Kak Nun.

Jalanan penceritaan dalam cerita ini tidak begitu kompleks dan erat. Ia dapat dibahagikan kepada tiga perkembangan yang utama, iaitu permulaan cerita (kelahiran), pengembaraan (halangan-halangan) dan peleraian. Bahagian pertama ini mengisahkan latar belakang wira kemudian diikuti dengan sebab-sebab pengembaraan, peperangan, berjaya mengatasi halangan dan akhir sekali adalah babak peleraian atau penyelesaian. Di bahagian akhir cerita ini dikisahkan peristiwa-peristiwa pertemuan wira dan wirawati dan *happy ending*.

3.3 Biodata Puan Fatimah binti Musa

Puan Fatimah binti Musa juga dikenali sebagai Timah Juragan dilahirkan pada tahun 1926 di Kg Nenasi. Kini beliau berusia 77 tahun. Puan Fatimah dibesarkan di Kampung Kiambang, Ganchong, Pekan. Beliau tidak pernah mendapat pendidikan formal. Selain daripada kebolehannya sebagai seorang tukang cerita, beliau juga seorang tukang urut. Rutin hariannya akan sibuk jika kerap dijemput oleh orang ramai yang ingin berurut dengannya. Oleh itu untuk bertemu dengan beliau terpaksa dibuat temu janji

Puan Fatimah berkahwin dengan Encik Ishak bin Awang Kecik yang berasal dari Kampung Pulau Rusa Pekan. Beliau melakukan kerja-kerja kampung selain berniaga secara kecil-kecilan untuk menampung kehidupannya. Hasil perkahwinannya dengan Encik Ishak beliau dikurniakan dengan lapan orang anak. Dua orang anaknya meninggal dunia ketika kecil.

Beliau mula berdamping dengan cerita 'Dayang Kak Nun' semasa berusia dua belas tahun. Waktu itu beliau sering mendengar seorang pencerita yang mahir menyanyikan cerita ini. Cerita ini dipelajari daripada seorang tua yang bernama Awang Gondeng. Ayah Puan Fatimah sendiri iaitu Encik Musa bin Md Tia juga mengetahui beberapa cerita rakyat termasuk jugalah cerita 'Dayang Kak Nun'. Di antara cerita-cerita rakyat yang diketahui oleh ayahnya ialah cerita 'Raja Kulat' dan 'Syair Bunga Kembang Jelita'.

Berbanding dengan saudara-saudaranya yang lain, Puan Fatimah tidak mempunyai harta benda yang banyak kalau dibandingkan dengan adik-beradiknya yang lain. Bercerita merupakan *side income* yang berkala kepada keluarga beliau. Jika ada majlis perkahwinan atau sebagainya beliau akan dipanggil untuk menceritakan cerita ini.

3.4 Analisis Kepengarangan.

Setelah meneliti kedua-dua teks, pengkaji mendapati pengarang cerita Dayang Kak Nun yang merujuk kepada Pn.Fatimah binti Musa mempunyai autoriti untuk meminda, mengurang atau menambah cerita-cerita mengikut keadaan dan keperluan semasa. Ini membuktikan kebenaran teori kepengarangan dalam Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Hj. Salleh.

Dalam penelitian pengkaji terhadap kedua-dua teks tersebut pengkaji mendapati versi Rahim Hamid (VRH) 1966 lebih panjang, teliti dan banyak peristiwa kalau dibandingkan dengan versi Dr.Zahir (VDZ) 2002 . Untuk membuktikan keadaan ini pengkaji memberikan contoh peristiwa dalam kedua-dua versi tersebut. Seawal peristiwa peperangan antara Bugis Ramai dengan Awang Jambul Lebat, di dalam VRH terdapat tiga peristiwa :

- i Peperangan antara Juragan dengan Awang Jambul Lebat.
- ii Dibantu oleh ayah Juragan (Dato Segedung Ilmu)
- iii. T.P Manik Bintang Berembun (kakak Juragan) membantu dalam peperangan tersebut.

Manakala dalam VDZ hanya ada dua peristiwa :

- i. Peperangan antara Juragan dengan Awang Jambul Lebat
- ii T.P Manik Bintang Berembun membantu.

Kalau dilihat pula pada peristiwa-peristiwa pengembaraan Juragan selepas Juragan hidup semula dengan Dayang Kak Nun setelah Bujang Khamis berjaya dibunuh. Ketika itu Dayang Kak Nun sedang mengandungkan Awang Muda Sulung.

Dalam VRH terdapat enam peristiwa :

- i. Juragan sampai di negeri Dato Segedung Ilmu. Baginda belajar ilmu persilatan dan berkahwin dengan anaknya.
- ii. Juragan sampai di negeri Dato Pari Aman. Baginda belajar ilmu persilatan dan berkahwin dengan anaknya.
- iii. Juragan sampai di negeri tanah seberang iaitu Pagar Ruyung.
- iv. Juragan sampai di negeri Dato Raja Helang. Baginda belajar ilmu persilatan dan berkahwin dengan anaknya.
- v. Juragan sampai di negeri Raja Cemburu lalu berlakulah pertempuran di antara Juragan dengan Raja Cemburu dengan anaknya sehingga kedua beranak tersebut dapat ditewaskan oleh Juragan.
- vi. Juragan sampai di negeri Zamin Amba dan menjadi raja ke 40 di negeri ini.

Dalam VDZ terdapat satu peristiwa sahaja iaitu :

- i. Juragan belayar ke tanah seberang lalu berkahwin dengan anak raja Kubang Angsa.

Dalam babak terakhir cerita ini, Awang Muda Sulung berperang pula dengan Juragan kerana keduanya saling tidak mengenali antara satu sama lain. Juragan berjaya ditewaskan oleh Awang Muda Sulung. Setelah

Awang Muda Sulung mengetahui Juragan adalah ayahandanya maka baginda meminta pertolongan kepada Dewa Raja untuk menghidupkan semula ayahandanya. Setelah Juragan hidup semula kedua beranak ini bertangis-tangisan dan berpeluk.

Di dalam VDZ 2002 kedua-dua beranak ini duduk di negeri Zamin Amba beberapa ketika sebelum mereka balik untuk bertemu dengan Dayang Kak Nun.

Manakala dalam VRH, cerita ini bersambung lagi di mana Awang Muda Sulung tidak balik untuk bertemu dengan Dayang Kak Nun sebaliknya baginda telah dijadikan raja di negeri Zamin Amba oleh ayahandanya, Juragan. Setelah itu baharulah Juragan balik ke Pantai Cermin untuk bertemu dengan Dayang Kak Nun tetapi tidak bersama dengan Awang Muda Sulung. Hasil perkahwinan Awang Muda Sulung dengan Tuan Puteri Bongsu, baginda dikurniakan seorang anak lelaki. Begitu juga hasil perkahwinannya dengan anak Raja Helang telah melahirkan seorang anak lelaki juga.

Menurut tilikan ahli nujum, kedua-dua putera tersebut tidak boleh dibesarkan di istana kerana apabila mereka besar nanti akan berlaku peperangan antara keduanya. Oleh itu kedua-dua beradik ini telah dihanyutkan di atas sebuah rakit secara berasingan. Setelah kedua-duanya besar, maka kedua-dua beradik tersebut berperang juga. Betullah sebagaimana yang diramalkan oleh ahli nujum tersebut. Peperangan ini

berlaku kerana kedua beradik ini tidak mengenali antara satu sama lain. Kedua-duanya berdamai setelah mengetahui hubungan darah antara mereka . Kedua beradik tersebut mengembara pula untuk mencari ayahanda mereka.

Tokok tambah kepada peristiwa dan pengembangan kepada plot dasar di dalam VRH dilihat sebagai kerja-kerja kepengarangan yang dilakukan oleh Pn.Fatimah bt.Musa untuk mengikut kesesuaian masa dan permintaan audien.

Paparan peristiwa di atas membuktikan terdapatnya perbezaan antara kedua versi tersebut. Di dalam VRH 1966 terdapat begitu banyak peristiwa sama ada di peringkat awal, pertengahan dan akhir penceritaan. Justeru, kepanjangan dan kependekan sesuatu cerita bergantung sepenuhnya kepada faktor kepengarangan. Pengarang berperanan sebagai penyusun cerita untuk memberi hiburan kepada audien. Sehubungan dengan itu, wujud faktor kekuasaan pengarang dalam cerita Dayang Kak Nun VDZ dan VRH. Pengarang sebagai penyusun cerita berjaya menempatkan diri sebagai penyampai cerita mengikut keadaan dan keperluan semasa.

Cerita 'Dayang Kak Nun' dalam VDZ lebih pendek dan ringkas kerana peristiwa yang berkisar tentang Juragan kurang dikembangkan. Namun dalam VRH lebih panjang dan banyak peristiwa berkisar tentang Juragan. Pengarang mempersembahkan cerita dalam VRH dengan lebih

luas dan mungkin audien pada masa itu mempunyai masa yang banyak untuk mendengarnya. Begitu pun sebagai pengarang, dia perlu mencari ruang yang senggang daripada audien untuk mengisahkan sesuatu cerita mengikut situasi pada sesuatu ketika itu. Maka tidak hairanlah sekiranya terdapat perbezaan panjang dan pendek cerita walaupun penyampai cerita ialah orang yang sama.

Pengarang dilihat mampu atau berkebolehan menjadi tukang pantun. Pengarang dapat mengolah semula cerita supaya menjadi lebih menarik sekali gus menjadikan audien terpaksa mendengar kemerduan suara pengarang bercerita sambil berpantun. Justeru, dalam VDZ didapati pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' menggunakan pendekatan berpantun khusus di akhir cerita. Pengarang cerita ini menggunakan kebijaksanaan berpantun untuk menghidupkan jalan cerita. Audien juga akan terpesona dengan plot cerita yang digambarkan oleh pengarang tersebut.

Kebolehan pengarang berpantun ini dapat memberi hiburan dan mengelakkan jalan cerita mendatar. Contoh-contoh pantun yang terdapat dalam VDZ ini seperti berikut:

Hendaklahnya dulang kuberinya dulang,

Dulanglah berisi antah bertih;

Hendaknya pulang kuberinya pulang,

Pulanglah mari dengan gajahnya putih.

Kalaulahny ada sumurlah di ladang,
Bolehlah kita menumpang mandi;
Kalaulahny sama cikgu umur panjang,
Lain-lain kali berjumpanya lagi.

Sayanglah berbuah jelutungny tinggi;
Anak-anak dara memandangnya helang;
Sangat tuah sungguh di kampunglah ini,
Banyaklahny orang berulang-ulang.

Dari tiga rangkap pantun yang diberikan ini, didapati bahawa pengarang gemar mengambil unsur alam sebagai pembayang kepada pantun-pantun tersebut. Hal ini bersesuaian dengan latar tempat audien yang sudah mengenali unsur tersebut contohnya burung dan sumur. Pantun yang terdapat dalam VDZ disampaikan oleh pengarang untuk menyedapkan sesuatu cerita yang dipertuturkan. Audien mengetahui bahawa cerita ini akan berakhir dengan diselitkan pantun yang disampaikan oleh pengarang. Hal ini memberi gambaran kesudahan cerita yang penuh dengan nilai seni. Pengarang berharap audien terhibur akan cerita yang telah diperdengarkan. Jadi, bakat pengarang berpantun tidak dapat dipertikaikan oleh audien sekiranya mereka seronok dengan cerita yang didengar itu.

Dalam VRH pula, pengarang lebih banyak memasukkan pantun. Sesungguhnya, kebolehan pengarang berpantun pada masa itu sesuai

dengan keadaan audien. Mereka dirasakan berhak oleh pengarang untuk mendengar keindahan cerita yang disampaikan supaya menjadi lebih asyik dan mudah mengingat cerita itu sendiri. Antara pantun yang terdapat dalam VRH adalah seperti berikut:

Sapu tangan tepi berkelin,
Marinya kelin jari belalang;
Hatinya rindu mana hendak kirim,
Abang hendak kirim bukannya barang.

Rangkap pantun tersebut digarap oleh pengarang dengan penuh asyik bagi memberikan gambaran tentang perasaan tidak senang hati Awang Jambul Lebat apabila melihat kecantikan Tuan Puteri Manik Bintang Berembun. Awang Jambul Lebat sengaja mengusik melalui berpantun bagi menimbulkan kemarahan tuan puteri. Hal ini dapat dilihat apabila pengarang mencipta pantun daripada tuan puteri untuk memberi respons terhadap usikan Awang Jambul Lebat seperti berikut:

Abang mandi di anak jamban,
Hanyut pandan tiba kelopak;
Abang menyanyi meninggalkan zaman,
Barang di mana badan tercampak.

Pantun yang diselitkan oleh pengarang ini pula dapat menyegarkan cerita yang didengar oleh audien. Pengarang seperti mahu audien

menyelami kegembiraan perasaan Awang Jambul Lebat dan tuan puteri dengan menambahkan pantun yang berikut:

Mudik berkerang hilir berkerang,
Gali keledik dua buku;
Mana hati abang tak hendak geram,
Menengok susu adik menongkat baju.

Mudiklah berkerang hilir berkerang,
Gali ubi bawaklah keledik;
Mana hati tidak hendak geram,
Seluarnya pendek bajunya pendek.

Gurauan yang diutarakan oleh pengarang dalam dua rangkap pantun mengusik ini menjadikan perasaan Awang Jambul Lebat dan tuan puteri bertambah parah. Akibat berbalas-balas pantun bagi melahirkan kegeraman hati masing-masing, akhirnya mencetuskan perkelahian. Namun, yang ditekankan di sini ialah pengarang dalam VRH bijak mencari ruang bagi melontarkan perasaan watak-watak tersebut dengan berkembang dan menyeronokkan.

Seterusnya, pengarang menunjukkan sekali lagi kehebatannya berpantun dalam rangkap yang berikut:

Pucuk puah pisang jambi,
Bercandak pisang helang;
Bertanak biar kami,
Berhidang biar dayang.

Pantun tersebut nampak mudah tetapi mempunyai maksud tersirat daripada Dayang Kak Nun ketika mengangkat hidangan untuk Mak Janda Kaya dan Juragan. Dayang Kak Nun yang mula terpicik dengan Juragan secara berpantun untuk memberitahu kesudiannya mengajak Mak Janda dan Juragan makan di rumah.

Sehubungan dengan itu, pengarang dianggap sebagai tukang pantun yang dapat menghidupkan jalan cerita supaya lebih berkembang dan mantap. Walaupun pengarang dalam VRH lebih banyak berpantun berbanding dalam VDZ tetapi keupayaan pengarang tersebut berpantun memang menakjubkan. Hal ini kerana pada kelaziman, pantun memerlukan kemahiran dan bakat bagi menciptanya. Penghasilan sesuatu pantun bukan tugas yang mudah. Pantun mempunyai ciri-ciri yang perlu dipatuhi seperti bilangan rangkap, jenis pantun, pembayang maksud dan maksud pantun yang tepat. Pantun juga memerlukan seni keindahan yang perlu dipelihara kerana menjadi khazanah berharga bagi orang-orang Melayu. Jadi, jelaslah bahawa keupayaan mencipta dan menghafal pantun merupakan aset bagi pengarang cerita ini.

Cerita dalam VDZ mampu dipendekkan oleh pengarang dengan olahan yang padat. Pengarang banyak menggunakan frasa "wa ibadaan" supaya cerita tidak hambar. Ungkapan "wa ibadaan" menjadikan cerita lebih kemas dan padat dengan mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang.

Seterusnya, pengarang mempunyai kebolehan menggunakan alat muzik bagi mengiringi cerita yang dipertuturkan. Pengarang-pengarang cerita lisan tradisional biasanya menggunakan alat muzik seperti rebana, selampit, batil, gendang dan serunai. Alat muzik iringan ini berperanan untuk menarik perhatian audien dengan cerita yang disampaikan.

Hal ini turut terdapat dalam proses penceritaan 'Dayang Kak Nun'. Pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' ini bersungguh-sungguh bercerita dengan iringan rebana. Rebana dipilih kerana merupakan alat muzik yang hanya perlu ditepek dengan tangan. Justeru, pengarang cerita ini dapat menjadikan alat muzik sebagai iringan yang dapat menghidupkan jalan cerita 'Dayang Kak Nun' ini. Oleh itu, rebana yang mudah dibawa dan dipegang dapat berfungsi membantu pengarang bercerita dengan baik.

Iringan rebana berjaya menghangatkan cerita 'Dayang Kak Nun' dalam VDZ dan VRH kerana menghidupkan pengembaraan Juragan dan anaknya iaitu Awang Muda Sulung. Sehubungan dengan itu, cerita-cerita penglipur lara Melayu berjaya mencuit audien kerana dapat memberi hiburan.

Pengarang perlu menggunakan alat muzik kerana perlu mempelbagaikan persembahan semasa bercerita. Cerita yang menarik perlu menjadi satu perkara yang relevan kepada setiap pengarang. Oleh itu, pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' juga perlu menggunakan alternatif yang dapat menarik audiennya sendiri.

Rebana digunakan oleh pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' dalam VDZ dan VRH supaya cerita dapat disampaikan dengan baik. Dengan iringan rebana, pengarang cerita ini dapat mempersembahkan cerita dengan suara yang mempunyai nada dan jeda yang bersesuaian. Paluan rebana digunakan oleh pengarang dari awal hingga akhir cerita mengikut rentak yang diperlukan dalam setiap episod cerita.

Paluan rebana juga menjadi lebih kuat dan laju apabila berlaku pertempuran antara Juragan dan Awang Muda Sulung. Begitu juga, paluan rebana menjadi lebih mendatar apabila jalan cerita semakin menurun dan tamat. Oleh itu, paluan rebana berperanan sebagai alat muzik pengiring yang membantu pengarang menghidupkan suasana sesuatu cerita yang dipersembahkan.

Seterusnya, pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' mempunyai kebolehan bercerita yang tersendiri. Pengarang cerita ini lari daripada kebiasaan cerita penglipur lara yang mesti menggunakan kemenyan dan jampi serapah sebelum dan selepas mengakhiri sesuatu cerita yang hendak dipertuturkan. Dalam VDZ tidak terikat dengan norma-norma dan

ritual-ritual kebiasaan tersebut. Sebelum pengarang bercerita, beliau hanya memberi salam perkenalan kepada audien dan memberitahu mereka cerita yang hendak disampaikan. Buktinya dapat dilihat seperti ungkapan berikut:

*"Sayanglah jelatuk burunglah jeladan
terbangnya dia menyongsong angin.
Tabiklah encik tabiklah tuan
sayalah hendak bermain-main..."*

Dalam ungkapan di atas, pengarang meminta izin audien untuk memulakan cerita 'Dayang Kak Nun' iaitu sebagai pembuka bicara beliau.

Dalam VRH pula, pengarang ini juga tidak menggunakan kuasa spiritual bagi membantu beliau bercerita sehingga menjadi seperti dirasuk. Justeru, pengarang hanya memberi salam perkenalan kepada audien dengan cerita yang hendak disampaikan. Hal ini dapat dibuktikan melalui ungkapan berikut:

*Jelatok burong jeladan
terbang ia di ampai kain.
Tabik enche' tabik tuan
saya menumpang bermain-main.*

*Jelatok burong jeladan
terbang ia menyongsong angin.
Tabik enche' tabik tuan
Hendak membuka hikayat Juragan*

Selepas itu, barulah pengarang tersebut bercerita. Berdasarkan kedua-dua versi yang dinyatakan di atas, didapati unsur-unsur ritual tidak langsung digunakan oleh pengarang tersebut. Beliau bercerita secara

biasa dan tidak menggunakan kuasa magis yang lazim dilakukan oleh tukang cerita tradisional lain.

Dari segi watak, didapati kedua-dua versi ini mempunyai jumlah watak yang hampir sama. Perbezaan yang terdapat hanyalah dari segi perwatakan sahaja. Di dalam VDZ, watak Juragan yang merupakan watak utama tidak diperluaskan cerita pengembaraannya. Ini amat berbeza di dalam VRH. Pengembaraan Juragan di dalam VRH seperti ke kota Dato Segedung Ilmu, Dato Pari Aman, Pagar Ruyung, Dato Raja Helang dan Raja Cemburu tidak terdapat di dalam VDZ.

Dalam VDZ, watak Awang Muda Sulung dikembangkan oleh penutur cerita dengan merantau ke negeri orang. Menjadi kebetulan pula kerana setiap negeri yang dijelajahnya, pernah juga menjadi tempat Juragan bermain-main dan menuntut ilmu.

Selain itu, dalam VDZ terdapat watak-watak lain seperti Awang Jambul Lebat iaitu penjaga pokok kayu Seri Bumi. Awang Jambul Lebat digambarkan sebagai penjaga pula kepada enam orang puteri pokok kayu Seri Bumi. Di samping itu, terdapat juga watak puteri enam beradik iaitu Tuan Puteri Selidah Daun, Tuan Puteri Selapuk Daun, Tuan Puteri Selindung Daun, Tuan Puteri Selindung Bulan, Tuan Puteri Manik Berembun dan Tuan Puteri Bongsu. Terdapat juga watak kakak Juragan iaitu Tuan Puteri Manik Bintang Berembun. Dia seorang yang gagah dan

berani kerana berjaya membunuh penjaga pokok kayu Seri Bumi iaitu Awang Jambul Lebat dan keenam-enam puteri tersebut.

Watak Mak Janda Kaya juga terdapat dalam VDZ iaitu sebagai mak angkat Juragan. Dia bersama dengan Juragan memulakan pengembaraan bersama-sama Juragan ke negeri orang dengan berjaja kain sehingga membawa peristiwa perkahwinan Dayang Kak Nun dengan Juragan. Seterusnya, watak Kembang yang bertindak sebagai pembantu Dayang Kak Nun. Sebagai pembantu Dayang Kak Nun, dia menjadi penasihat dan jurusolek Dayang Kak Nun sebelum berjumpa dengan Juragan.

Watak Bujang Khamis pula digambarkan sebagai seorang yang pandai berdirik di surau dan mengahwini Dayang Kak Nun setelah Juragan dilarikan oleh buaya putih. Namun, Bujang Khamis mati dibunuh juga oleh Juragan kerana marah Bujang Khamis mengahwini isterinya Dayang Kak Nun.

Watak Pari Aman diwujudkan oleh pengarang kerana menjadi tempat tinggal Awang Muda Sulung. Seterusnya, terdapat juga watak-watak lain seperti Raja Kubang Angsa, Datuk Segedung Ilmu iaitu bapa mentua Juragan dan guru silatnya, Datuk Temenggong Dari Purnama iaitu ayah Dayang Kak Nun, Puteri Bongsu Puteri Kayangan iaitu Tuan Puteri Manik Berembun yang menjadi isteri Awang Muda Sulung, Puteri Burung iaitu anak kepada Datuk Raja Helang, Datuk Raja Helang, Bugis Ramai

iaitu hamba rakyat Juragan, Raja Cemburu iaitu Raja yang dibunuh oleh Awang Muda Sulung dan Awang Kilat iaitu anak kepada Raja Cemburu.

Dalam VRH pula, watak yang sama dengan VDZ ialah Juragan, Dayang Kak Nun, Awang Muda Sulung, Awang Jambul Lebat iaitu hantu kayu, Tuan Puteri Manik Bintang Berembun, Mak Janda Kaya, Kembang, Bujang Khamis, Puteri Burung, Bugis Ramai dan Raja Cemburu. Oleh itu, terdapat sepuluh watak yang sama diceritakan oleh pengarang dalam VRH dengan VDZ.

Watak-watak lain pula ialah seperti Puteri Enam Beradik iaitu Tuan Puteri Sulung, Tuan Puteri Selimpuk Daun, Tuan Puteri Selindung Daun, Tuan Puteri Selaput Layu, Tuan Puteri Selindung Bulan dan Tuan Puteri Bongsu. Selain itu, terdapat watak sampingan iaitu Dato Pari Aman yang mempunyai persamaan dengan VDZ yang mana Juragan belajar ilmu persilatan dan berkahwin pula dengan anak perempuannya. Watak dalam VRH ditambah pula iaitu Awang Muda Sulung juga tinggal dan belajar ilmu silat dengan Dato Pari Aman ini seperti ayahnya, Juragan.

Dalam VRH tidak ada watak Raja Kubang Angsa. Begitu pun watak Dato Segedung Ilmu wujud dalam VRH juga yang mana Awang Muda pula belajar bermain senjata daripadanya. Seterusnya, watak yang tidak terdapat dalam VRH ialah Dato Temenggong dari Purnama, Puteri Bongsu Puteri Kayangan yang mana pengarang menyatakan watak tetapi tidak

menyebutkan nama dengan jelas. Watak Dato Segedung iaitu ayah Juragan wujud dalam VRH tetapi memang tidak terdapat dalam VDZ.

Begitu pun, watak-watak yang sama diceritakan semula oleh pengarang dengan memberikan huraian sifat yang berbeza atau ditokok tambah pula dalam VRH contohnya watak Dato Raja Helang. Dalam VRH, Dato Raja Helang ialah guru silat dan bapa mentua Juragan. Dalam VRH juga Juragan telah berjaya membunuh Raja Cemburu tetapi dalam VDZ beliau dibunuh oleh Awang Sulung Muda. Watak Awang Kilat Di Awan pula dalam VRH ialah anak kepada Raja Cemburu iaitu sama dengan watak dalam VDZ.

Oleh itu, dalam kedua-dua versi cerita Dayang Kak Nun ini mempunyai sebanyak dua puluh watak. Watak-watak-watak tersebut mempunyai persamaan nama dan juga perbezaan nama. Begitu pun pengarang berhak meminda nama-nama watak-watak dalam versi cerita mereka mengikut kesesuaian audien atau khalayak itu sendiri.

Seterusnya, kedua-dua versi tersebut mempunyai persamaan atau perbezaan disebabkan faktor umur pengarang. Semasa bercerita dalam VDZ pengarang telah mencecah umur 76 tahun iaitu 36 tahun lebih tua daripada VRH. Faktor umur ini memainkan peranan yang penting kerana semakin tua seseorang manusia maka semakin banyak cerita atau peristiwa yang sudah dilupai.

Dalam VRH pengarang baru berusia 40 tahun iaitu satu usia yang dianggap matang bagi seorang lelaki. Dalam usia yang sedemikian, pengarang masih mempunyai daya ingatan, imaginasi yang tinggi dan tenaga yang kuat untuk menghabiskan cerita ini. Oleh itu, pengarang mampu menjadikan cerita ini lebih panjang dan mempunyai latar dan peristiwa yang banyak dan pelbagai. Jadi, tidak hairan dalam VRH, cerita berkisar tentang Juragan sebagai watak utama yang banyak mengembara dan berkahwin dan beranak-pinak sebelum kembali ke pangkuan isteri pertamanya, Dayang Kak Nun. Hal ini berbeza dengan VDZ iaitu cerita pengembaraan Juragan agak ringkas dan cerita anaknya Awang Muda Sulung lebih banyak difokuskan mencari ayahnya, Juragan.

Oleh itu, perbezaan umur yang ketara antara VDZ dan VRH menyebabkan urutan cerita agak berbeza. Faktor umur yang jelas jauh berbeza selama 36 tahun walaupun tidak menjejaskan jalan cerita tetapi pasti akan berlaku pindaan pada watak dan peristiwa dalam sesuatu cerita. Usia 76 tahun dianggap sebagai usia yang agak lanjut bagi manusia biasa. Begitu pun, pengarang mempunyai keistimewaan kerana berjaya mengingat jalan cerita tanpa banyak perbezaan yang besar. Itulah keistimewaan pengarang cerita ini kerana berjaya mengingat watak utama iaitu Juragan dan beberapa watak sampingan yang lain.

Harus diingat bahawa pengarang yang telah lanjut usia dan masih muda pasti mempunyai versi cerita yang berbeza. Hal ini terbukti dalam VDZ dan VRH. Namun, jika diteliti, hanya berlaku tokoh tambah dan

pengurangan tetapi peranan watak utama iaitu Juragan dan anaknya Awang Muda Sulung tetap sama. Mungkin jika dipanjangkan usia, pengarang cerita ini dapat menuturkan kedua-dua nama ini dalam versi berikutnya dengan baik. Jadi, jelaslah bahawa perbezaan usia pengarang dapat memanipulasikan sesuatu cerita yang dituturkan.

Dalam konteks pengarang cerita 'Dayang Kak Nun', beliau masih mampu menggarap cerita ini dengan baik walaupun berlaku tokok tambah dan pengurangan. Kapanjangan dan kependekan cerita ini walaupun nampak ketara tetapi pengarang diakui masih mempunyai daya ingatan yang masih baik. Walaupun sudah berusia lanjut 76 tahun tetapi cerita 'Dayang Kak Nun' ini masih dapat dihafal oleh beliau. Begitu pun perubahan dalam beberapa patah perkataan, langsung tidak menjejaskan kualiti cerita 'Dayang Kak Nun'. Pengarang seperti sebatang dengan 'sense' cerita ini. Garapan semasa bercerita pada usia 40 tahun dan 76 tahun sedikit pun tidak menjejaskan jalinan cerita 'Dayang Kak Nun'. Sesungguhnya, pengarang cerita ini masih bertindak seperti sebatang sungai yang mengalir tanpa hentinya.

Mengikut T.Iskandar (1987), pengarang cerita lisan berhak menambah dan mengubah bahasa sesuai dengan keadaan dan masanya. Bertepatan dengan hal ini didapati bahawa cerita VDZ iaitu hasil dapatan daripada wawancara dengan Dr.Zahir, pengarang yang bertindak sebagai tukang cerita ini sedang berpuasa. Oleh itu, besar kemungkinan beliau keletihan. Hal yang demikian mungkin menjadikan tukang cerita secara

tidak langsung mengubah bahasa berdasarkan keadaannya yang sedang berusia 76 tahun.

Seterusnya, Dr.Zahir memaklumkan bahawa beliau telah membuat rakaman cerita 'Dayang Kak Nun' selama dua hari. Beliau mula merakamkan cerita ini pada 5 Oktober 2002. Cerita ini tidaklah dirakam secara berterusan. Tukang cerita juga diberitahu oleh Dr.Zahir berhenti juga untuk rehat. Jadi, rakaman ini dilakukan pada waktu petang dan malam sehinggalah menjelang pukul dua pagi. Walaupun tukang cerita mengambil masa yang panjang dan berehat, namun beliau masih mampu menyudahkan cerita dengan berkesan. Sebagai tukang cerita 'Dayang Kak Nun' itu, pengarang ini berjaya menggarap dan menghabiskan cerita untuk dirakamkan oleh Dr.Zahir.

Tukang cerita 'Dayang Kak Nun' juga mampu pula berkomunikasi dengan audien ketika sedang bercerita. Beliau berbual-bual dengan Dr.Zahir. Selepas itu, beliau menyambung pula cerita. Mengikut Dr.Zahir, beliau akan menyambung cerita di tempat yang beliau berhenti tadi. Beliau mempunyai daya ingatan yang kuat untuk menyambung cerita tersebut. Oleh yang demikian, beliau boleh berbual-bual dan seterusnya menyambung pula cerita.

Bakat tukang cerita yang mampu berkomunikasi dengan audien sambil bercerita memang istimewa. Dalam hal ini, mungkin pengarang bertindak sebagai penghafal yang baik. Di samping itu, tukang cerita ini

juga boleh menyusun semula cerita untuk disesuaikan dengan keadaan baru. Sebagai tukang cerita, beliau tahu apa-apa sahaja fakta yang penting yang memerlukan penambahan atau pengurangan.

Keistimewaan dan bakat seni bercerita yang terdapat pada pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' sungguh mengagumkan. Beliau berjaya menonjolkan ketrampilan sebagai tukang cerita yang baik tanpa memberikan alasan pada kekangan usia, masa dan waktu rehat. Mungkin bagi beliau, cerita ini perlu dihabiskan tanpa membosankan audien.

Kepakaran sebagai seorang pengarang bagi mencorakkan cerita yang hendak dituturkan, menyebabkan cerita 'Dayang Kak Nun' berbeza dalam VDZ dan VRH. Sebagai seorang pengarang lisan atau penutur lisan, mereka berhak meminda cerita mengikut citarasa semasa. Pengarang tidak terikat dengan keadaan dan persekitaran yang sama di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Maka, dalam cerita VDZ dan VRH berlaku pindaan daripada pencerita lisan berdasarkan keadaan beliau yang sedang berpuasa dan telah lanjut usia.

Cerita lisan menjadi wadah masyarakat pada zaman dahulu mencari hiburan. Berdasarkan cerita VDZ dan VRH ini, maka perlu diperjelaskan bahawa penyusun cerita berperanan sebagai orang yang tahu serba-serbi tentang segala hal dalam cerita yang dipertuturkan. Mereka menganggap pendengar atau audien tidak pernah mendengar cerita tersebut. Mereka akan bercerita berdasarkan pengalaman dan 'ketukangan' yang dimiliki

untuk mengisahkan kepada audien 'baru'. Jadi, besar kemungkinan pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' dapat mengingati cerita ini dengan baik kerana inginkan pendengar 'baru' tersebut menghayati cerita dengan penuh perasaan.

Teori kepengarangan yang dibicarakan ini sebenarnya memainkan peranan yang besar dalam mencorakkan identiti seseorang penutur lisan. Pengarang mereka ibaratkan seperti aliran sungai yang terpaksa melalui teluk dan tanjung sebelum sampai ke muara. Jadi, seperti sebatang sungai, pengarang terpaksa mengubah beberapa aspek dalam cerita mereka untuk menjadikan cerita lebih berkesan kepada audien.

3.5 Kesimpulan Bab

Berdasarkan daripada analisis yang dibuat maka terbukti akan kebenaran teori kepengarangan Melayu yang digarapkan oleh Muhammad Hj.Salleh. Benarlah pengarang Melayu itu boleh diibaratkan seperti sebatang sungai yang bermula dari sebuah mata air. Yang sentiasa mengalami perubahan setiap kali melalui kampung dan muara. Peribadinya berbeza dari satu tanjung ke satu tanjung. Dalam konteks pengarang cerita 'Dayang Kak Nun' ini terbukti dan terserlah akan autoritinya dalam meminda dan menambah cerita mengikut kesesuaian tempat dan khalayak.